



NEWSLETTER



KEPENDUDUKAN PULAU PINANG

ASAL USUL NEGERI PULAU PINANG


Pulau Pinang pada awalnya dikenali sebagai '**Pulau Ka Satu**'. Seorang pelayar yang bernama Ragam menamakan sedemikian kerana inilah satu-satunya pulau besar yang terasing yang ditemui beliau sewaktu berulang-alik berdagang dari Lingga ke Kedah. Nama Pulau Ka Satu terus digunakan sehingga kedatangan British pada tahun 1786. Apabila pokok pinang mula ditanam di pulau ini selepas kedatangan British, nama pulau ini ditukar kepada '**Pulau Pinang**'.



Sebelum nama Pulau Pinang menjadi popular, penduduk di Seberang Perai lebih mengenali Pulau Pinang dengan nama **Tanjong Penaga** sempena nama pokok penaga yang tumbuh di sekitar tapak Fort Cornwallis. Dipecayai nama ini atau singkatannya Tanjong masih digunakan dalam geran-geran tanah yang dikeluarkan oleh kerajaan sehingga tahun 1800. Malah, sehingga kini nama Tanjong begitu serasi dengan penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai apabila merujuk kepada Bandar Georgetown.

KELUASAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN PULAU PINANG

1,049.07 km²



Pulau Pinang terletak berhampiran dengan persisiran barat laut Semenanjung Malaysia. Dipisahkan diantara Negeri Kedah di sebelah Utara dan Timur, Negeri Perak di sebelah Selatan dan Perairan Selat Melaka dan Sumatera (Indonesia) di sebelah Barat. Pulau Pinang terdiri daripada lima **Daerah Pentadbiran** iaitu **bahagian Pulau (Timur Laut dan Barat Daya)** dan juga tanah besar yang dikenali sebagai **Seberang Perai (Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan)**.

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Keluasan kawasan pulau yang meliputi Timur Laut dan Barat Daya adalah **301.26 km²** yang terpisah sepenuhnya daripada Seberang Perai (**747.8 km²**). Kedua-dua bahagian dihubungkan dengan perkhidmatan feri dan Jambatan Pulau Pinang yang panjangnya 13.5 km.




EVOLUSI PENDUDUK PULAU PINANG



Jumlah penduduk Negeri Pulau Pinang pada 2020 adalah dianggarkan meningkat sebanyak **1,773.6 ribu orang** berbanding **1,768.8 ribu** pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak **0.3 peratus**. Kadar pertumbuhan penduduk di Pulau Pinang adalah semakin menurun sejak tahun 2017 sehingga tahun 2020.

Kadar Pertumbuhan Penduduk Negeri Pulau Pinang, 2010-2020^e



KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK WARGANEGARA & BUKAN WARGANEGARA

Warganegara



1,640.5
1,625.5

0.9%

Bukan Warganegara



133.1
143.4

-7.7%

Bilangan Penduduk ('000)

Nota: *2020e & 2019

Kadar pertumbuhan penduduk Warganegara di Pulau Pinang kekal stabil pada 0.9 peratus dengan pertambahan penduduk daripada 1.63 juta pada 2019 kepada 1.64 juta pada 2020. Peratusan kadar pertumbuhan penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan iaitu daripada 0.14 juta orang (2019) kepada 0.13 juta orang (2020). Pengurangan bilangan penduduk Bukan Warganegara merupakan salah satu faktor penurunan peratusan kadar pertumbuhan penduduk di Pulau Pinang.

NISBAH JANTINA PENDUDUK PULAU PINANG 2020^e




Nisbah Jantina merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah jantina penduduk di Pulau Pinang pada 2020 adalah 101 lelaki bagi setiap 100 wanita. Ini membuktikan terdapat lebih ramai penduduk lelaki berbanding perempuan di Pulau Pinang. Pada 2020, penduduk lelaki melebihi penduduk perempuan iaitu seramai 890.9 ribu (lelaki) dan 882.7 ribu (perempuan).

STRUKTUR DAN PIRAMID PENDUDUK

Piramid Penduduk Pulau Pinang, 2010-2020p



Piramid penduduk bagi Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2010 sehingga 2020 dikategorikan sebagai piramid perantaraan. Ini jelas menunjukkan kadar kelahiran yang masih lagi tinggi serta kadar kematian bayi yang rendah berdasarkan saiz tapak piramid yang lebar iaitu pada kumpulan umur 0 hingga 4 tahun. Kadar kematian yang rendah disebabkan oleh peningkatan taraf kesihatan meliputi pertambahan klinik serta bilangan doktor.

Berdasarkan puncak piramid yang datar dan lebar membuktikan bahawa jangka hayat penduduk semakin tinggi serta proses penuaan penduduk semakin meningkat dalam kadar perlahan yang membawa kepada peningkatan penduduk tua.


Bilangan penduduk pada tahun 2020 telah mengalami penurunan pada kumpulan umur 5 hingga 14 tahun. Namun begitu, pada tahun 2020 bilangan penduduk tertinggi yang direkodkan adalah dalam kumpulan umur 35 hingga 39 tahun iaitu 169.8 ribu orang berbanding tahun 2010 pada kumpulan umur 25 hingga 29 tahun dengan catatan 155.9 ribu orang.

Piramid Penduduk Pulau Pinang, 2020p


Pada tahun 2020, piramid penduduk Pulau Pinang menunjukkan bilangan penduduk lelaki lebih ramai berbanding penduduk perempuan bagi setiap peringkat kumpulan umur kecuali bagi umur 65 tahun dan ke atas.

Berdasarkan piramid penduduk, kedua-dua penduduk perempuan dan lelaki mencatatkan rekod bilangan penduduk yang paling tinggi pada tahun 2020 adalah dalam kumpulan umur 35 hingga 39 tahun iaitu masing-masing seramai 81.7 ribu orang dan 88.1 ribu orang.

Ini menggambarkan Pulau Pinang pada tahun 2020 mempunyai penduduk dewasa yang ramai serta kadar kematian di kalangan orang dewasa sangat rendah.




PENDUDUK MENGIKUT JANTINA BAGI DAERAH PENTADBIRAN PULAU PINANG, 2020p




Jumlah penduduk mengikut daerah menunjukkan Daerah Timur Laut mempunyai bilangan unjuran penduduk yang tertinggi di Negeri Pulau Pinang dengan 588.2 ribu orang (32.6 peratus) pada tahun 2020. Daerah Timur Laut merupakan kawasan yang padat dimana mempunyai penduduk yang paling ramai dengan keluasan yang paling kecil (126.4 km²) berbanding daerah lain. Manakala Daerah Seberang Prai Selatan mempunyai bilangan unjuran penduduk terendah iaitu 198.0 ribu orang pada tahun 2020 (11 peratus).

PENDUDUK MENGIKUT ETNIK DAERAH PENTADBIRAN PULAU PINANG, 2020p

Berdasarkan unjuran 2020, kesemua daerah di Negeri Pulau Pinang didominasi oleh etnik Bumiputera, kecuali Daerah Timur Laut dimana etnik Cina mewakili 57.8 peratus (340.3 ribu orang) berbanding etnik lain.



KUMPULAN UMUR



Peratusan penduduk berumur 0-14 tahun pada 2020 dianggarkan menurun kepada 18.8 peratus (338.8 ribu orang) berbanding 19.1 peratus (337.8 ribu orang) pada 2019. Bagi peratusan penduduk berumur 15-64 tahun kekal pada kadar 72.2 peratus (1,277.1 ribu orang) berbanding tahun yang sebelumnya. Namun berbeza dengan peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas di Pulau Pinang dianggarkan meningkat daripada 8.7 peratus (153.9 ribu orang) kepada 9.0 peratus (154.3 ribu orang) bagi tempoh yang sama.


Hal ini yang akan menyumbang kepada peningkatan bilangan penduduk tua di Pulau Pinang meliputi peningkatan jangka hayat bagi kedua-dua jantina disebabkan oleh faktor taraf kesihatan yang tinggi serta amalan gaya hidup yang sihat.



UMUR PENENGAH



Umur penengah adalah umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur tersebut manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.



Pada tahun 2020, umur Penengah bagi penduduk Negeri Pulau Pinang adalah dianggarkan pada umur 32.7 tahun, meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 32.2 tahun.

Nota: e - Anggaran



KELAHIRAN DAN KEMATIAN

KADAR KELAHIRAN KASAR¹

2018: 11.7

2017: 12.3

Pada tahun 2018, kadar kahiran kasar di Pulau Pinang mencatatkan penurunan berbanding tahun 2017 iaitu daripada 12.3 kepada 11.7 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kahiran kasar bagi lelaki adalah 12.0 lebih tinggi berbanding perempuan 11.5.

Bagi kahiran hidup tertinggi pada 2018 adalah daerah Seberang Perai Tengah iaitu sebanyak 5,095 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Seberang Perai Selatan iaitu 2,795 bayi.

KADAR KEMATIAN KASAR²

2018: 6.4

2017: 6.2

Kadar kematian kasar di negeri Pulau Pinang pada tahun 2018 adalah 6.4 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2017: 6.2 kematian). Ini merupakan kadar kematian kasar tertinggi dalam tempoh 2010 hingga 2018.

Jumlah kematian lelaki adalah lebih tinggi iaitu 6,271 kematian (55.9%) berbanding perempuan 4,938 (44.1%).

Nota:

¹Kadar kahiran bagi setiap 1,000 penduduk

²Kadar kematian bagi setiap 1,000 penduduk

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR 2019





Jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki di Pulau Pinang adalah lebih rendah berbanding perempuan.



Jangkaan hayat adalah purata baki umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu.

FAKTOR UTAMA KEMATIAN PULAU PINANG, 2018



PERUMAHAN DAN ISI RUMAH

BILANGAN TEMPAT KEDIAMAN (TK)¹ DAN ISI RUMAH (IR)² PULAU PINANG, 2020



566.9 RIBU UNIT 499.1 RIBU IR

Seberang Perai Tengah	▶	128.0 UNIT
		115.5 IR
Seberang Perai Utara	▶	102.0 UNIT
		86.1 IR
Seberang Perai Selatan	▶	69.4 UNIT
		57.2 IR
Timur Laut	▶	196.0 UNIT
		175.1 IR
Barat Daya	▶	71.5 UNIT
		65.2 IR

Nota: Bilangan TK & IR ('000)

Bilangan Tempat Kediaman (TK) di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2020 dianggarkan sebanyak 566.9 ribu unit TK. Daerah Timur Laut mencatatkan jumlah Tempat Kediaman dan Isi Rumah tertinggi berbanding daerah lain iaitu masing-masing sebanyak 196.0 ribu unit TK dan 175.1 ribu IR. Manakala tempat kediaman yang paling sedikit di Pulau Pinang adalah Daerah Seberang Perai Selatan iaitu sebanyak 69.4 ribu unit TK. Pertambahan Tempat Kediaman di Pulau Pinang akan berlaku dari masa ke semasa selari dengan peningkatan jumlah penduduk.

Peratusan stok unit kediaman sedia ada, Pulau Pinang, 2017 dan 2018

Teres	2018: 24.0%
	2017: 24.1%
Rumah Berkembar	2018: 5.9%
	2017: 5.9%
Sesebuah	2018: 15.2%
	2017: 15.5%
Rumah Bandar	2018: 0.6%
	2017: 0.6%
Kelompok	2018: 0.7%
	2017: 0.81%
Rumah Kos Rendah	2018: 3.6%
	2017: 3.5%
Rumah Flat Kos Rendah	2018: 12.3%
	2017: 12.4%
Rumah Pangsa	2018: 21.0%
	2017: 21.0%
Kondominium / Pangsapuri	2018: 16.7%
	2017: 16.3%

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Bilangan stok unit kediaman sedia ada di Pulau Pinang pada 2018 merekodkan peningkatan 2.1 peratus daripada 497.4 ribu (2017) kepada 507.8 ribu (2018). Rumah teres adalah stok unit kediaman yang terbanyak iaitu 24.0 peratus (122,302 unit) diikuti rumah pangsa 21.0 peratus (106,562 unit).

Daerah Timur Laut mencatatkan bilangan stok unit kediaman sedia ada tertinggi di Pulau Pinang, iaitu 173,778 unit. Rumah pangsa merupakan bilangan unit paling banyak (77,044 unit) diikuti kondominium/pangsapuri (45,762 unit).

Nota:

¹Unjurian Tempat Kediaman berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang disesuaikan

²Unjurian Isi Rumah berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang disesuaikan

GUNA TENAGA PULAU PINANG

TENAGA BURUH



**852.3 ribu
2019**
 0.3%

Tenaga buruh di Pulau Pinang meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 0.3 peratus antara tahun 2010 hingga 2019. Sejumlah 852.3 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 berbanding 849.4 ribu orang pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 835.6 ribu orang pada tahun 2019 daripada 830.8 ribu orang pada tahun 2018.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB)


Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Pulau Pinang menurun 0.4 mata peratus daripada 67.7 peratus pada tahun 2018 kepada 67.3 peratus pada tahun 2019.

**67.7%
2018**
 **67.3%
2019**



Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam umur bekerja 15 hingga 64 tahun sama ada bekerja atau menganggur.

KADAR PENGANGGURAN



kadar pengangguran di Pulau Pinang bertambah baik kepada 2.0 peratus pada tahun 2019 (2018: 2.2%).

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH

PENDAPATAN



Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Pulau Pinang telah meningkat kepada RM6,169 pada tahun 2019 berbanding RM5,408 pada tahun 2016 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 4.4 peratus.

Daerah Timur Laut mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM6,902 pada 2019 (2016: RM5,964) diikuti Barat Daya RM6,576 (2016: RM5,844).

PERBELANJAAN



Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Pulau Pinang meningkat daripada RM4,190 pada tahun 2016 kepada RM4,630 pada tahun 2019 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.3 peratus.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran pula merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Barat Daya dan terendah di daerah Seberang Perai Utara.

PENDIDIKAN

BILANGAN SEKOLAH, GURU DAN MURID 2018


Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
----------------	------------------

	271	128
--	-----	-----

	10, 562	9, 496
--	---------	--------

	130, 190	107, 462
--	----------	----------

Di Pulau Pinang, terdapat 271 buah sekolah rendah dan 128 buah sekolah menengah pada 2018. Bilangan guru adalah 10,562 orang dengan 130,190 orang murid bagi sekolah rendah dan 9,496 orang guru dengan 107,462 orang murid untuk sekolah menengah.



Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut mencatatkan bilangan sekolah tertinggi bagi sekolah rendah dan menengah

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

KESIHATAN

BILANGAN HOSPITAL, KLINIK KERAJAAN, DOKTOR DAN JURURAWAT, 2017

	Hospital	27 buah
--	----------	---------

	Klinik Kerajaan	120 buah
--	-----------------	----------

	Doktor	3, 791 orang
--	--------	--------------

	Jururawat	8, 662 orang
--	-----------	--------------

Bilangan anggota perubatan kerajaan dan swasta di Pulau Pinang meningkat pada 2017. Bilangan doktor pada tahun 2017 adalah seramai 3,791 orang bertambah 685 orang berbanding tahun 2016. Bilangan doktor gigi bertambah 99 orang kepada 575 orang pada tahun 2017. Manakala, bilangan jururawat termasuk jururawat masyarakat bertambah kepada 8,662 orang pada tahun 2017.



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia